

Arahan PM terus disokong

BH-3/8/2007.

Shahrir gesa larangan diperluaskan kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri


Oleh Wan Jailani Razak, Ahmad Naim Tahir, Amirullah Andi Nur, Hanneeyzah Bariah Baharin dan Amin Ridzuan Ishak

TINDAKAN melarang semua menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen memegang jawatan dalam persatuan sukan dapat mendorong pembabit golongan profesional untuk tampil membantu pembangunan sukan negara.

Langkah itu juga dapat mengelak penjawat jawatan berkenaan daripada dibebani terlalu banyak tanggungjawab dan mampu lebih fokus terhadap tugas dalam kerajaan.


Timbalan Pengerusi Pemuda Barisan Nasional (BN), Khairy Jamaluddin berkata pergerakan berkenaan menyokong penuh arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu.

"Kita menyokong penuh arahan Perdana Menteri kerana itu adalah arahan Kabinet," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemuda BN di Pusat Da-



"Kita menyokong penuh arahan Perdana Menteri kerana itu adalah arahan Kabinet"

Khairy Jamaluddin
Timbalan Pengerusi Pemuda BN



"Arahan PM itu baik kerana dapat mengelakkan politik dalam persatuan sukan"

Dr Mohamad Khir Toyo
MB Selangor merangkap Presiden FAS

gangan Dunia Putra, semalam.

Ditanya sama ada pemimpin Pemuda BN atau Umno sedia menawarkan diri untuk mengisi kekosongan ekoran keputusan berkenaan, Khairy berkata beliau tidak pasti dan bergantung kepada keselesaan pemimpin itu sendiri.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Shahrir Abd Samad pula berkata arahan Perdana Menteri itu perlu diperluaskan kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri.

"Mereka juga sebahagian daripada kerajaan yang sama kecuali Kelantan. Jadi mereka sepatutnya tidak terkecuali dan perlu melepaskan semua jawatan dalam persatuan sukan peringkat kebangsaan.

"Ini kerana secara umumnya, masalah sukan ketika ini berlaku di peringkat kebangsaan dan saya rasa jika mereka benar-benar mahu lihat sukan negara terus maju, mereka perlu lebih banyak menyumbang di peringkat akar umbi," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Nega-

ra, semalam.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan pula menjadikan faktor beban tugas sebagai penghalang pemimpin politik dalam kerajaan memberi tumpuan penuh kepada tanggungjawab bersama persatuan sukan.

"Saya mengalu-alukan keputusan Perdana Menteri dan jika diperluaskan kepada pucuk pimpinan negeri, saya sedia melepaskan jawatan persatuan sukan," katanya yang juga memegang jawatan Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Sembilan (PBNS).

Menteri Besar Selangor yang juga Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkata arahan itu baik kerana dapat mengelakkan politik dalam persatuan sukan.

"Saya sendiri pun tak mahu jadi Presiden FAS... kerana bagi saya, saya boleh menyumbang lebih bila tidak jadi presiden. Tapi bila peraturan menetapkan presiden persatuan bola sepak kena diterajui Menteri Besar... jadi itu bergantunglah," katanya.